

ISTIADAT PEMASYHURAN TENGKU AMPUAN PAHANG, TENGKU MAHKOTA PAHANG

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4438-istiadat-pemasyhuran-tengku-ampuan-pahang-tengku-mahkota-pahang


PEKAN, 29 Jan – Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Sultan Iskandar hari ini dimasyhurkan sebagai Tengku Ampuan Pahang yang baharu, selepas kali terakhir gelaran itu disandang 31 tahun lepas.



Manakala Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah dimasyhurkan sebagai Tengku Mahkota Pahang dan Pemangku Raja Pahang.



Istiadat pelantikan dan pemasyhuran itu berlangsung di Balairung Seri, Istana Abu Bakar di sini di hadapan KDYMM Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Tengku Ampuan Pahang yang baru dimasyhurkan, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Sultan Iskandar.



Surat Pengisytiharan Pelantikan sebagai Tengku Mahkota Pahang dibacakan oleh Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

Istiadat yang penuh bersejarah ini telah berlangsung sekitar jam 10.30 pagi dan dihadiri lebih 1,500 tetamu terdiri daripada kerabat diraja, barisan kepimpinan kerajaan negeri dan wakil masyarakat. Hadir sama Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.



